



Peserta : **Etiqua Family Takaful Berhad (EFTB)**
No Sijil Induk : **KWSP2001**
Sijil : **Etiqua Term Secure Takaful**
Tarikh Berkuatkuasa : **11/05/2024**

Dalam penyertaan ke dalam Etiqua Term Secure Takaful dengan Peserta (seperti yang ditakrifkan di sini), Kami, Etiqua Family Takaful Berhad, sebagai Pengendali Takaful dengan ini bersetuju untuk membayar Manfaat-manfaat daripada Dana Risiko Peserta di bawah Sijil Induk ini berkenaan dengan setiap Orang Yang Dilindungi, mengikut dan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Sijil Induk ini.

DENGAN BERSAKSIKAN, Pengendali Takaful telah melaksanakan Sijil Induk ini dan ia akan berkuatkuasa mengikut terma dan syarat yang terkandung di sini.

Adalah penting bahawa Sijil Induk ini dibaca dengan teliti dan dipulangkan kepada Kami di Ibu Pejabat sekiranya ada pembetulan yang perlu dibuat.

PENYATA MAKLUMAT SIJIL Etiqa Term Secure Takaful

Pertukaran alamat	Sila maklumkan Kami dengan segera tentang pertukaran alamat Orang Yang Dilindungi atau Penama, untuk memastikan tidak ada gangguan komunikasi dari Kami kepada Orang Yang Dilindungi dan Penama.
Hak untuk mengubah Sumbangan	Kadar Sumbangan and terma-terma boleh diubah oleh Kami dari semasa ke semasa, dengan memberikan notis sembilan puluh (90) hari lebih awal kepada Anda. Perubahan Sumbangan and terma-terma ini hanya akan digunapakai untuk Sijil Takaful dengan Tarikh Permulaan selepas tarikh berkuatkuasa notis tersebut.
Permohonan dan pembayaran Sumbagan	Orang Yang Dilindungi layak untuk mendapat Manfaat-manfaat Takaful mengikut terma-terma dan syarat-syarat di bawah Sijil Induk apabila permohonan diterima oleh Kami. Kelayakan Tarikh Kuatkuasa adalah khusus bagi setiap Orang Yang Dilindungi dan disediakan di dalam Sijil Takaful. Sumbangan tersebut dibayar melalui pemotongan daripada akaun KWSP Orang Yang Dilindungi, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat KWSP.
Hak untuk Menamatkan Sijil Induk	Kami boleh memberi notis untuk menamatkan Sijil Induk, atas apa jua sebab. Notis mestilah secara bertulis dan mestilah diterima oleh pihak lain sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari sebelum tarikh notis berkuatkuasa. Sekiranya notis penamatan diserahkan, mana-mana Sijil Takaful yang masih Berkuatkuasa sebelum tarikh berkuatkuasa notis itu, akan diteruskan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Sijil Induk. Tiada Sijil Takaful baru akan dikeluarkan selepas tarikh berkuatkuasa notis tersebut. Apabila notis berkuatkuasa, Sijil Induk akan diteruskan sehingga tiada Sijil Takaful yang Berkuatkuasa. Selepas itu, penamatan Sijil Induk akan berjalan serta-merta.
Hak untuk menamatkan Sijil Takaful	Orang Yang Dilindungi mempunyai hak untuk menamatkan Sijil Takaful, atas apa jua sebab. Sekiranya penamatan dalam lima belas (15) hari dari Tempoh Percuma, Kami akan membatalkan Sijil Takaful ini dan mengembalikan Sumbangan yang diterima oleh Kami. Notis mestilah diterima oleh Kami semasa Tempoh Percuma. Sijil Takaful juga akan dianggap telah diterima oleh Kami pada tarikh ia dihantar secara peribadi, tarikh penghantaran sekiranya dihantar menggunakan pos berdaftar, atau tarikh transmisi sekiranya transmisi secara elektronik digunakan. Sekiranya penamatan dibuat selepas Tempoh Percuma, Orang Yang Dilindungi akan menerima Manfaat serahan, yang mungkin kurang daripada Sumbangan yang telah bayar, ditambah lebihan DRP, jika ada. Sekiranya pembayaran Sumbangan untuk Sijil Takaful kepada Kami tidak berjaya, Kami mempunyai hak untuk membatalkan Sijil Takaful tersebut dari hari permohonan tersebut diterima.
Hak untuk menamakan Manfaat Takaful	Orang Yang Dilindungi boleh menamakan seseorang untuk menerima Manfaat Takaful yang akan dibayar apabila berlaku kematian Orang Yang Dilindungi, sama ada sebagai wasi untuk mengagihkan Manfaat Takaful yang perlu dibayar kepada harta pusaka Orang Yang Dilindungi mengikut undang-undang yang berkenaan, atau sebagai benefisiari di bawah Hibah Bersyarat. Penamaan atau penyerahan hak boleh dibuat: <ol style="list-style-type: none"> 1) Semasa permohonan dibuat; atau 2) Dengan Memaklumkan kepada Kami secara bertulis, pada bila-bila masa selepas Sijil Takaful dikeluarkan. Orang Yang Dilindungi boleh menentukan bahagian pengagihan Manfaat Takaful untuk dibayar kepada setiap wasi atau benefisiari. Jika tiada arahan pengagihan diterima, Kami akan membayar wasi atau benefisiari secara sama rata. Penamaan benefisiari dibawah Hibah Bersyarat hendaklah, tanpa mengambil kira mana-mana undang-undang bertulis, mempunyai kesan terhadap pemindahan hak terhadap Manfaat Takaful yang akan dibayar kepada benefisiari apabila berlakunya kematian Orang Yang Dilindungi. Pemindahan Manfaat Takaful tersebut tidak akan membentuk sebahagian daripada harta pusaka Orang Yang Dilindungi, atau tertakluk kepada hutang mereka. Apabila Manfaat Takaful dibayar, Kami dilepaskan daripada apa-apa liabiliti berkenaan dengan Orang Yang Dilindungi tersebut.

Hak untuk membatalkan penamaan	<p>Penamaan akan dibatalkan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Apabila Penama meninggal dunia, atau jika terdapat lebih daripada seorang penama, kesemua Penama meninggal dunia semasa Orang Yang Dilindungi masih hidup; 2) Melalui notis bertulis daripada Orang Yang Dilindungi kepada Kami; atau 3) Melalui penamaan berikutnya yang dilakukan oleh Orang Yang Dilindungi kepada Kami. <p>Tertakluk kepada perkara di atas, penamaan tidak akan dibatalkan melalui wasiat atau dengan apa-apa tindakan, peristiwa atau cara-cara lain.</p> <p>Seandainya terdapat lebih daripada satu Penama dan salah seorang daripada Penama yang dinamakan sebagai benefisiari dibawah Hibah Bersyarat meninggal dunia terlebih dahulu sebelum Orang Yang Dilindungi, Kami akan membayar bahagian Penama yang telah meninggal dunia kepada harta pusaka Orang yang Dilindungi tersebut jika Orang Yang Dilindungi meninggal dunia, kecuali jika Orang Yang Dilindungi telah membuat penamaan bagi menggantikan bahagian Penama yang telah meninggal dunia tersebut.</p>
Alamat Ibu Pejabat Kami	<p>Alamat Ibu Pejabat Kami adalah:</p> <p>Etiqa Family Takaful Berhad Tingkat 19, Menara C, Dataran Maybank, No 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur. Nombor Telefon: 03-2297 3888 Nombor Faksimili: 03-2297 3800 Emel: info@etiqa.com.my</p>
Proses tuntutan dan bagaimana membuat tuntutan	<p>Pihak Menuntut hendaklah memaklumkan kepada Kami mengenai suatu tuntutan bagi apa-apa Manfaat Takaful dengan menulis ke alamat Kami, dalam tempoh masa pemberitahuan notis. Pemberitahuan tuntutan mestilah termasuk mengemukakan bukti umur Orang Yang Dilindungi seperti salinan kad pengenalan atau pasport, dan dokumen-dokumen tuntutan yang lain. Tempoh notis tuntutan dan pendokumenan tuntutan adalah khusus kepada jenis Manfaat Takaful mengikut terma dan syarat-syarat di dalam Sijil Induk.</p> <p>Notis tuntutan boleh dikemukakan selepas tempoh masa pemberitahuan notis, jika terdapat bukti notis tersebut telah diserahkan seberapa segera yang mungkin.</p> <p>Seandainya sebarang bantuan diperlukan apabila membuat tuntutan, Pihak Menuntut perlu menghubungi Etiqa Online di 1-300-13-8888.</p> <p>Dokumen tambahan mungkin akan diminta oleh Kami semasa Pihak Menuntut memaklumkan Kami mengenai tuntutan, atau selepas penilaian awal dokumen yang disertakan dengan borang tuntutan. Pihak Menuntut akan dimaklumkan secara bertulis mengenai sebarang keperluan dokumen tambahan.</p> <p>Dokumen bagi menyokong tuntutan hendaklah disediakan atas tanggungan Pihak Menuntut.</p> <p>Setelah semua dokumen diterima oleh Kami, Kami akan menerima atau menolak tuntutan untuk Manfaat Takaful mengikut terma dan syarat Sijil Induk. Keputusan tuntutan oleh Kami akan dimaklumkan kepada Pihak Menuntut secara bertulis. Kami berhak untuk menolak sebarang caj yang berkaitan dan jumlah yang tertunggak yang terhutang kepada Kami sebelum sebarang tuntutan dibayar di bawah Sijil Induk ini.</p>
Bagaimana untuk menghubungi Kami	<p>Jika Orang Yang Dilindungi perlu menghubungi Kami, mempunyai apa-apa soalan berkaitan Sijil Induk atau Sijil Takaful, atau perlu mengubah kandungan Sijil Induk atau Sijil Takaful, sila tulis ke alamat pos Kami di Etiqa Family Takaful Berhad, Dataran Maybank, No 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur, atau faksimili ke 03-2297 3800, atau e-mel ke info@etiqa.com.my, atau hubungi di 03-2297 3888, atau hubungi Etiqa Online di 1-300-13-8888.</p>
Bagaimana untuk membuat aduan kepada Kami	<p>Jika Pihak Menuntut tidak berpuas hati dengan perkhidmatan Kami di bawah Sijil Induk atau Sijil Takaful ini, sila tulis ke alamat pos Kami: Unit Pengurusan Aduan, Etiqa Family Takaful Berhad, Aras 6, Menara B, Dataran Maybank, No 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur; faksimili ke 03-2297 1919, atau e-mel ke complaint_cmu@etiqa.com.my. Nombor telefon Kami adalah 1-300-13-8888 (untuk pemanggil luar negara nombor talian adalah +603-2780 4500).</p>

<p>Bagaimana untuk membuat aduan kepada pengawal selia kerajaan</p>	<p>Jika Pihak Menuntut tidak berpuas hati dengan cara pengendalian Kami, sila tulis kepada BNM, termasuk butir-butir cara pengendalian, jenis pertikaian, nama Kami, nombor Sijil Induk atau Sijil Takaful, dan apa-apa surat-menyurat di antara Pihak Menuntut dan Kami.</p> <p>Surat-menyurat boleh dihantarkan ke BNM: Pengarah, Jabatan LINK dan Pejabat Wilayah, Bank Negara Malaysia, Peti Surat 10922, 50929 Kuala Lumpur, atau melalui faksimili 03-2174 1515, atau e-mel di bnmlink@bnm.gov.my. Nombor telefon BNM adalah 1-300-88-5465.</p>
<p>Bagaimana untuk menyelesaikan pertikaian melalui pengantara</p>	<p>Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) boleh dihubungi oleh Pihak Menuntut, sekiranya Pihak Menuntut tidak berpuas hati dengan keputusan Etiqa Family Takaful Berhad terhadap sebarang pertikaian, atau kegagalan Etiqa Family Takaful Berhad untuk memberi maklum balas terhadap sebarang aduan dalam tempoh enam puluh (60) hari. Anda boleh menghubungi OPK melalui:</p> <p>Emel : enquiry@ofs.org.my atau Faks : 603-2272 1577 atau Alamat Pos: Ketua Pegawai Eksekutif, Ombudsman Perkhidmatan Kewangan Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No.4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000, Kuala Lumpur.</p> <p>Sebagai alternatif, Pihak Menuntut boleh memfailkan pertikaian itu secara peribadi di pejabat OPK.</p> <p>OPK perlu dihubungi dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh keputusan muktamad dari Etiqa Family Takaful Berhad berkenaan pertikaian yang dibuat Pihak Menuntut.</p> <p>Untuk maklumat lanjut mengenai OPK, sila dapatkan risalah maklumat daripada Etiqa Family Takaful Berhad atau layari laman web OPK di www.ofs.org.my.</p> <p>Penglibatan OPK adalah tertakluk kepada terma-terma rujukan menurut seksyen 138 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Menghubungi OPK tidak akan menjejaskan hak Pihak Menuntut untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Etiqa Family Takaful Berhad sekiranya mereka tidak berpuas hati dengan keputusan oleh OPK.</p>
<p>Bagaimana untuk menyelesaikan pertikaian melalui penimbangtara</p>	<p>Jika Pihak Menuntut mempertikaikan keputusan yang telah Kami buat berkaitan dengan Sijil Induk, dan/atau Sijil Takaful ini, dan tidak mahu untuk menggunakan pengantara bagi pertikaian itu, atau tidak menerima keputusan OPK selepas pengantara, Pihak Menuntut boleh merujuk kepada penimbangtara. Permohonan untuk rujukan hendaklah dibuat dalam tempoh dua belas (12) bulan daripada pemberitahuan keputusan tersebut.</p> <p>Pihak Menuntut dan Kami akan cuba untuk sama-sama bersetuju untuk melantik seorang Penimbangtara. Jika Pihak Menuntut dan Kami tidak dapat bersetuju dengan seorang Penimbangtara dalam tempoh satu (1) bulan notis timbangtara, maka Pihak Menuntut dan Kami perlu melantik seorang Penimbangtara bagi setiap pihak, dan kedua-dua Penimbangtara akan melantik seorang pengadil. Pengadil hendaklah bersidang bersama Penimbangtara dan mempengerusikan persidangan mereka. Semua pelantikan hendaklah dibuat secara bertulis oleh pihak-pihak berkenaan yang membuat pelantikan tersebut.</p> <p>Penimbangtara (dalam hal di mana Pihak Menuntut dan Kami bersetuju untuk seorang Penimbangtara), atau Penimbangtara-Penimbangtara dan pengadil (dalam hal di mana Pihak Menuntut dan Kami tidak bersetuju dengan seorang Penimbangtara), hendaklah mengkaji semula pertikaian itu dan membuat keputusan. Keputusan timbangtara akan merangkumi penyelesaian pertikaian dan kos timbangtara. Keputusan timbangtara tidak boleh dipertikaikan dan mengikat kedua-dua pihak iaitu Pihak Menuntut dan Kami.</p>

Nota: Untuk keterangan lanjut, sila rujuk kepada terma-terma dan syarat-syarat menyeluruh di bawah Sijil Induk.

DEFINISI UMUM

Seksyen ini mengenal pasti dan mendefinisikan frasa, perkataan atau singkatan yang umum di seluruh Sijil Induk dan Sijil Takaful. Definisi ini dikenal pasti dalam huruf besar. Jika definisi ini disediakan dalam bentuk tunggal, tafsiran itu termasuk kata bilangan dan sebaliknya mengikut konteks yang bersesuaian.

Frasa, Perkataan atau Singkatan Umum	Definisi
Penimbangtara	Pihak bebas, yang dilantik untuk mengadili dalam menyelesaikan pertikaian antara Pihak Menuntut dan Kami, sebagai alternatif kepada mahkamah. Penimbangtara adalah selain daripada BNM dan OPK.
Bank Negara Malaysia, atau BNM	Badan kerajaan yang utama di Malaysia yang bertanggungjawab dalam mengawal selia Pengendali Takaful. Biro Perkhidmatan Pelanggan BNM menyediakan ruang kepada sesuatu pihak untuk memfailkan aduan terhadap sebarang salah laku atau amalan pasaran yang tidak adil oleh Kami.
Sijil Takaful	Dokumen atau apa-apa Endorsemen, yang dikenali sebagai Sijil Takaful bagi Orang Yang Dilindungi, berdasarkan kepada borang permohonan dan apa-apa maklumat tambahan yang diminta oleh Kami dan diberikan kepada Kami.
Pihak Menuntut	Orang Yang Dilindungi atau Penama harta pusaka Orang Yang Dilindungi, yang berhak untuk menuntut Manfaat Takaful di dalam Sijil Takaful, mengikut terma-terma dan syarat-syarat Sijil Induk.
Tarikh Permulaan	Tarikh terawal di mana Orang Yang Dilindungi layak untuk menerima Manfaat Takaful mengikut terma-terma dan syarat-syarat Sijil Induk. Tarikh Permulaan adalah khusus untuk setiap Orang Yang Dilindungi dan dinyatakan di dalam Sijil Takaful.
Hibah Bersyarat	Hibah adalah pemindahan hak milik sesuatu aset daripada suatu pihak kepada pihak lain tanpa sebarang balasan atau ganjaran. Berhubung dengan bayaran Manfaat Takaful, Hibah Bersyarat adalah pemindahan hak milik Manfaat Takaful yang perlu dibayar kepada Benefisiari apabila kematian Orang Yang Dilindungi, semasa Sijil Takaful masih Berkuatkuasa.
Sumbangan	Amaun yang dibayar kepada Kami, berdasarkan dasar Tabarru' mengikut terma-terma dan syarat-syarat Sijil Induk. Sumbangan adalah khusus untuk setiap Orang Yang Dilindungi dan dinyatakan di dalam Sijil Takaful.
Tempoh Perlindungan	Tempoh yang bermula pada Tarikh Permulaan dan berakhir pada Tarikh Tamat Tempoh. Tempoh Perlindungan adalah khusus untuk setiap Orang Yang Dilindungi dan dinyatakan di dalam Sijil Takaful.
Tarikh Berkuatkuasa	Tarikh yang dinyatakan di dalam Sijil Induk sebagai Tarikh Berkuatkuasa.
Endorsemen	Perubahan terhadap Sijil Induk atau Sijil Takaful. Endorsemen akan dikeluarkan dan ditandatangani oleh Kami.
Tarikh Tamat Tempoh	Tarikh terakhir di mana Orang Yang Dilindungi layak untuk Manfaat Takaful mengikut terma-terma dan syarat-syarat Sijil Induk. Tarikh Tamat Tempoh adalah khusus untuk setiap Orang Yang Dilindungi dan dinyatakan di dalam Sijil Takaful.
Tempoh Percuma	Tempoh lima belas (15) hari bermula apabila Sijil telah diterima oleh Orang Yang Dilindungi.
Berkuatkuasa	Status bagi Sijil Takaful yang menunjukkan kelayakan Orang Yang Dilindungi untuk Manfaat Takaful mengikut terma-terma dan syarat-syarat Sijil Induk. Sijil Takaful berstatus Berkuatkuasa jika: <ol style="list-style-type: none"> 1) Orang Yang Dilindungi masih hidup; 2) Sijil Takaful dikeluarkan mengikut terma-terma dan syarat-syarat Sijil Induk; 3) Sijil Takaful belum ditamatkan atau dibatalkan melalui notis, mengikut terma-terma dan syarat-syarat Sijil Induk; and 4) Belum melebihi Tarikh Tamat Tempoh.
Tarikh Dikeluarkan	Tarikh di mana Sijil Takaful telah dikeluarkan oleh Kami. Tarikh Dikeluarkan adalah khusus bagi setiap Orang Yang Dilindungi dan dinyatakan di dalam Sijil Takaful.
Ju'alah	Perkataan Arab yang bermaksud kontrak upah. Ia adalah kontrak pertukaran untuk tugas yang diketahui atau tidak diketahui, yang sukar untuk ditentukan dan pembayaran perlu dibuat sebaik sahaja tugas tersebut disempurnakan. Berkenaan dengan kontrak Takaful, ini merujuk kepada asas pengagihan perkongsian lebihan daripada DRP yang dipersetujui antara Kami dan Peserta atau Orang Yang Dilindungi.

Sijil Induk	Dokumen dan apa-apa Endorsemen berikutnya, yang dikenali sebagai Sijil Induk.
Maklumat Material	Apa-apa maklumat, laporan, jawapan, dan pendedahan yang dikemukakan oleh Orang Yang Dilindungi, atau pihak ketiga bagi pihak Orang Yang Dilindungi, yang mana: 1) Berkenaan dengan Orang Yang Dilindungi; dan 2) Diberi sebelum Tarikh Dikeluarkan.
Penama	Orang yang dinamakan oleh Orang Yang Dilindungi untuk menerima Manfaat Takaful yang perlu dibayar di bawah Sijil Takaful setelah kematian Orang Yang Dilindungi. Penamaan mestilah didaftarkan dengan Kami.
Ombudsman Perkhidmatan Kewangan, OPK	Sebuah badan bebas yang ditubuhkan bagi membantu menyelesaikan pertikaian di antara Pihak Menuntut dan Kami, sebagai alternatif kepada mahkamah.
Dana Risiko Peserta, atau DRP	Akaun di mana bahagian Tabarru' daripada Sumbangan diletakkan untuk tujuan memenuhi Manfaat Takaful yang telah dikenal pasti dalam terma-terma dan syarat-syarat Sijil Takaful. DRP dimiliki secara kolektif oleh sekumpulan Peserta Takaful/ Orang Yang Dilindungi.
Peserta, atau Anda	Etiqa Family Takaful Berhad atau orang yang dinamakan sebagai Peserta di dalam Sijil Induk atau Sijil Takaful.
Orang Yang Dilindungi	Orang yang dinamakan di dalam Sijil Takaful sebagai Orang yang dilindungi di dalam Sijil Takaful.
Data Peribadi	Adalah membawa maksud yang sama seperti di bawah seksyen 4 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Data Peribadi merujuk kepada maklumat, laporan, jawapan, dan pendedahan yang dikemukakan oleh Orang Yang Dilindungi atau pihak ketiga bagi pihak Orang Yang Dilindungi, yang berkenaan dengan Orang Yang Dilindungi. Data Peribadi tidak termasuk maklumat, laporan, jawapan, dan pendedahan yang berada dalam domain awam.
Keadaan Sedia Ada	Keadaan Sedia Ada adalah keadaan, penyakit atau kecederaan pada atau sebelum Tarikh Dikeluarkan Sijil Takaful. 1) Orang Yang Dilindungi telah menerima atau sedang menerima rawatan; 2) Orang Yang Dilindungi telah disyorkan untuk mendapatkan nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan; 3) Orang Yang Dilindungi telah menyedari simptom yang jelas dan tepat; atau 4) Keadaan, penyakit atau kecederaan atau gejala dapat diperhatikan dengan jelas bagi orang tersebut.
Qard	Qard, dalam konteks Sijil ini, bermaksud pinjaman tanpa faedah yang diberikan oleh Pengendali Takaful kepada Dana Risiko Peserta apabila ia tidak mencukupi untuk memenuhi obligasi Takafulnya. Pinjaman akan dibayar melalui lebihan masa hadapan daripada Dana Risiko Peserta.
Penyertaan Semula	Penyertaan Semula memberi hak kepada Orang Yang Dilindungi untuk menyertai dalam Etiqa Term Secure Takaful dengan syarat-syarat dan terma-terma tertentu yang dikecualikan seperti yang dinyatakan dalam Sijil Induk. Orang Yang Dilindungi mempunyai pilihan untuk Penyertaan Semula dalam masa tiga puluh (30) hari dari Tarikh Tamat Tempoh Sijil Takaful, dengan syarat Orang Yang Dilindungi tidak membuat sebarang tuntutan pada Sijil Takaful tersebut. Penyertaan Semula Sijil Takaful akan dinyatakan di dalam Sijil Takaful. Jumlah Yang Dilindungi yang dibenarkan untuk Penyertaan Semula sama ada bersamaan atau lebih rendah daripada Jumlah Yang Dilindungi dinyatakan di dalam Sijil Takaful tersebut. Sekiranya Penyertaan Semula Sijil Takaful dikeluarkan sebelum kelulusan tuntutan ke atas Sijil Takaful tersebut, Kami berhak untuk menamatkan Penyertaan Semula Sijil Takaful. Penyertaan Semula Sijil Takaful akan dianggap tidak sah dari permulaan dan apa-apa Sumbangan dibayar akan dikembalikan kepada akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Orang Yang Dilindungi. Sekiranya Orang Yang Dilindungi sudah mencapai hari jadi ke-lima puluh lima (ke-55), Sumbangan yang telah dibayar akan dikreditkan ke dalam akaun bank Orang Yang Dilindungi.
Waras	Suatu keadaan fikiran yang membenarkan pandangan, tingkah laku, dan hubungan sosial secara normal. Seseorang dianggap tidak Waras jika orang tersebut: 1) Telah disahkan sebagai tidak siaman oleh ahli psikiatri, di mana pakar psikiatri itu berlesen dan diiktiraf sebagai pakar psikiatri di Malaysia; dan 2) Menjalani rawatan tetap oleh pakar psikiatri atas sebab, keadaan atau keputusan yang berkaitan secara langsung dengan ketidaksiaman.

Jumlah Yang Dilindungi	Amaun yang perlu dibayar pada serahan Sijil Takaful. Jumlah Yang Dilindungi digunakan untuk menentukan jumlah Manfaat Takaful yang perlu dibayar. Jumlah Yang Dilindungi dinyatakan di dalam Sijil Takaful.
Nilai Serahan	Nilai Serahan berbeza secara harian sepanjang Tempoh Perlindungan dan ditetapkan pada Tarikh Permulaan.
Tabarru'	Tabarru' adalah perkataan Arab yang bermaksud derma, hadiah atau sumbangan. Dalam Sijil ini bermakna Sumbangan untuk tujuan Takaful. Bahagian ini disimpan dalam DRP.
Takaful	Perkataan Arab yang bermaksud kepada bantuan bersama berasaskan semangat persaudaraan dan perpaduan, di mana Orang Yang Dilindungi bersetuju untuk membantu satu sama lain dari segi kewangan sekiranya memerlukan keperluan tertentu.
Manfaat Takaful, atau Manfaat	Nama kolektif bagi bayaran yang dibuat mengikut terma-terma dan syarat-syarat di bawah seksyen Manfaat Takaful dalam Sijil Induk ini. Manfaat Takaful adalah khusus bagi setiap Orang Yang Dilindungi.
Wakalah	Wakalah merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejennya untuk melakukan tugas-tugas tertentu berkenaan hal-hal yang dapat dipertanggungjawabkan, dengan atau tanpa mengenakan sebarang fi. Dalam konteks Sijil ini, ia bermakna Orang Yang Dilindungi telah melantik Kami untuk melabur dan menguruskan Dana Risiko Peserta (DRP) bagi pihak Orang Yang Dilindungi. Orang Yang Dilindungi juga telah membenarkan Kami untuk mewakili hak, tugas dan kewajipan Kami kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang Kami anggap sesuai. Bagi perwakilan ini, Kami akan tetap bertanggungjawab terhadap semua hak, tanggungjawab dan kewajipan terhadap Orang Yang Dilindungi.
Fi Wakalah	Sebahagian daripada Sumbangan yang digunakan untuk menampung perbelanjaan Kami bagi tujuan mengendali dan menguruskan Sijil dan DRP. Fi Wakalah adalah dua puluh peratus (20%) daripada Sumbangan tahunan untuk setiap Sijil Takaful.
Kami (Pengendali Takaful)	Etiqua Family Takaful Berhad

DEFINISI HILANG UPAYA MENYELURUH DAN KEKAL (HUMK)

Seksyen ini mengenal pasti dan mendefinisikan frasa, perkataan atau singkatan berkaitan dengan HUMK dan digunakan di seluruh Sijil. Definisi ini dikenal pasti dalam huruf besar. Jika definisi ini disediakan dalam bentuk tunggal, tafsiran itu termasuk kata bilangan dan sebaliknya mengikut konteks.

Frasa, Perkataan atau Singkatan Umum	Definisi												
Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)	<p>Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) boleh didefinisikan sebagai salah satu daripada yang berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Hilang upaya yang menyebabkan Orang Yang Dilindungi tidak berupaya melakukan apa-apa kerja, pekerjaan atau profesion untuk mendapatkan upah, pampasan atau keuntungan, semata-mata disebabkan oleh Kemalangan, penyakit atau sakit, sepanjang hidup Orang Yang Dilindungi; 2) Hilang upaya yang menyebabkan Orang Yang Dilindungi tidak berupaya melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada enam (6) Aktiviti Kehidupan Harian tanpa bantuan fizikal daripada orang lain, kelengkapan mekanikal, alat atau penyesuaian. Enam (6) Aktiviti Kehidupan Harian ialah: <table border="1" style="margin-left: 20px; width: 100%;"> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">Pemindahan</td> <td>Duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal.</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">Pergerakan</td> <td>Keupayaan untuk bergerak dari satu bilik ke satu bilik tanpa memerlukan apa-apa bantuan fizikal.</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">Perihal Mengawal</td> <td>Keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan pundi kencing secara sendirinya seperti menjaga kebersihan diri.</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">Pemakaian</td> <td>Memakai dan menanggalkan kesemua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan orang lain.</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">Mandi atau Membersihkan Diri</td> <td>Keupayaan untuk membersihkan diri di tempat mandi tab atau mandi pancuran (termasuk memasuki atau keluar dari tempat mandi tab atau mandi pancuran) atau membersihkan diri dengan cara yang lain.</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">Makan</td> <td>Kesemua tugas memasukkan makanan ke dalam badan apabila makanan telah disediakan.</td> </tr> </tbody> </table> 3) HUMK Berdasarkan Andaian, apabila Orang Yang Dilindungi, tanpa mengambil kira umur atau keupayaan memperoleh pendapatan, mengalami mana-mana kehilangan berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Hilang penglihatan kedua-dua belah mata secara menyeluruh dan tidak dapat pulih; atau • Hilang dua anggota badan atau lebih, setiap satunya pada atau sebelah atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki; atau • Hilang penglihatan sebelah mata secara menyeluruh dan tidak dapat pulih dan hilang satu anggota badan pada atau sebelah atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki. Jika Orang Yang Dilindungi, selepas mencapai hari jadi ke enam puluh empat (ke-64), dan sebelum mencapai hari jadi ke enam puluh sembilan (ke-69), atau tidak bekerja pada masa berlakunya hilang upaya, maka hanya (2) dan (3) akan terpakai. Jika Manfaat HUMK diberikan kepada Orang Yang Dilindungi sebelum mencapai umur lima (5) tahun, hanya definisi (3) akan terpakai jika kanak-kanak itu mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal sebelum dia mencapai umur lima (5) tahun. 	Pemindahan	Duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal.	Pergerakan	Keupayaan untuk bergerak dari satu bilik ke satu bilik tanpa memerlukan apa-apa bantuan fizikal.	Perihal Mengawal	Keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan pundi kencing secara sendirinya seperti menjaga kebersihan diri.	Pemakaian	Memakai dan menanggalkan kesemua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan orang lain.	Mandi atau Membersihkan Diri	Keupayaan untuk membersihkan diri di tempat mandi tab atau mandi pancuran (termasuk memasuki atau keluar dari tempat mandi tab atau mandi pancuran) atau membersihkan diri dengan cara yang lain.	Makan	Kesemua tugas memasukkan makanan ke dalam badan apabila makanan telah disediakan.
Pemindahan	Duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal.												
Pergerakan	Keupayaan untuk bergerak dari satu bilik ke satu bilik tanpa memerlukan apa-apa bantuan fizikal.												
Perihal Mengawal	Keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan pundi kencing secara sendirinya seperti menjaga kebersihan diri.												
Pemakaian	Memakai dan menanggalkan kesemua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan orang lain.												
Mandi atau Membersihkan Diri	Keupayaan untuk membersihkan diri di tempat mandi tab atau mandi pancuran (termasuk memasuki atau keluar dari tempat mandi tab atau mandi pancuran) atau membersihkan diri dengan cara yang lain.												
Makan	Kesemua tugas memasukkan makanan ke dalam badan apabila makanan telah disediakan.												
Tarikh HUMK	<p>Tarikh HUMK adalah tarikh permulaan dari tempoh enam (6) bulan, apabila Orang Yang Dilindungi mengalami HUMK selama enam (6) bulan secara berterusan dan tiada tanda-tanda untuk pulih berdasarkan pengetahuan dan teknologi perubatan semasa. Kecuali bagi Andaian HUMK, di mana tarikh HUMK adalah tarikh HUMK dikenalpasti.</p>												

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT UMUM

Asas Kontrak	Sijil Induk, Sijil Takaful dan Endorsemen-endorsemen, jika ada, adalah bukti kontrak di antara Peserta dan Kami. Permohonan yang dibuat kepada Kami, dan apa-apa maklumat tambahan yang didedahkan kepada Kami berkaitan dengan perlindungan Takaful ini akan menjadi sebahagian daripada kontrak ini.
Tajuk	Melainkan dinyatakan sebaliknya, tajuk dan jadual dalam Sijil Induk dimasukkan untuk kemudahan sahaja, dan tidak akan menjejaskan tafsiran Sijil Induk.
Bagaimana untuk menghubungi Kami	Jika Orang Yang Dilindungi perlu menghubungi Kami, atau mempunyai apa-apa soalan berhubung dengan Sijil Induk atau Sijil Takaful, atau memerlukan apa-apa perubahan kepada kandungan di dalam Sijil Induk atau Sijil Takaful, sila menulis ke alamat pos Kami: Etiqa Family Takaful Berhad, Dataran Maybank, No 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur, atau melalui faksimili 03-2297 3800, atau e-mel di info@etiqa.com.my , atau hubungi 03-2297 3888, atau Etiqa Oneline di 1-300-13-8888.
Matawang untuk semua bayaran	Semua bayaran di bawah Sijil Induk dan Sijil Takaful hendaklah dibuat dalam mata wang sah Malaysia.
Undang-undang berkenaan	Sijil Induk hendaklah ditafsirkan dan dikawal oleh undang-undang Malaysia.
Perubahan dalam percukaian, peraturan dan perundangan	Kami boleh mengubah terma-terma dalam Sijil Induk ini, jika terdapat perubahan dalam percukaian, peraturan atau perundangan yang menjejaskan Sijil Induk ini. Kami akan memaklumkan Anda secara bertulis apabila terma-terma dalam Sijil Induk ini perlu diubah.
Klausa pengecualian dan had sekatan	Sijil Induk ini tidak akan memberi perlindungan dan Pengendali Takaful tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau menyediakan apa-apa Manfaat di bawah ini sekiranya penyediaan perlindungan, pembayaran sebarang tuntutan, atau peruntukan Manfaat tersebut akan mendedahkan Pengendali Takaful kepada mana-mana sekatan, larangan atau halangan di bawah ketetapan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan-peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat atau mana-mana negerinya, dan/atau mana-mana undang-undang atau peraturan sekatan perdagangan atau ekonomi yang berkaitan. Kami boleh menamatkan Sijil Induk ini dengan serta-merta dan selepas itu tidak perlu menjalankan apa-apa urusan perniagaan dengan Anda berkaitan dengan Sijil Induk ini.

HAK DAN KEWAJIPAN UMUM

Prasyarat terhadap Hak	Pematuhan dan pelaksanaan sewajarnya bagi terma-terma dan syarat-syarat Sijil Induk akan menjadi prasyarat terhadap hak Orang Yang Dilindungi di bawah Sijil Induk.
Hak untuk Menamatkan Sijil Induk	Kami boleh memberi notis untuk menamatkan Sijil Induk, atas apa jua sebab. Notis mestilah secara bertulis dan mestilah diterima oleh pihak lain sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari sebelum tarikh notis berkuatkuasa. Sekiranya notis penamatan diserahkan, mana-mana Sijil Takaful yang masih Berkuatkuasa sebelum tarikh notis itu berkuatkuasa, akan diteruskan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Sijil Induk. Tiada Sijil Takaful baru akan dikeluarkan selepas Tarikh Berkuatkuasa notis tersebut. Apabila notis berkuatkuasa, Sijil Induk akan diteruskan sehingga tiada Sijil Takaful yang Berkuatkuasa. Selepas itu, penamatan Sijil Induk akan berjalan serta-merta.
Hak untuk menamatkan Sijil Takaful	Orang Yang Dilindungi mempunyai hak untuk menamatkan Sijil Takaful, atas apa jua sebab. Sekiranya penamatan dalam lima belas (15) hari dari Tempoh Percuma, Kami akan membatalkan Sijil Takaful ini dan mengembalikan Sumbangan yang diterima oleh Kami. Notis mestilah diterima oleh Kami semasa Tempoh Percuma. Sijil Takaful juga akan dianggap telah diterima oleh Kami pada tarikh ia dihantar secara peribadi, tarikh penghantaran sekiranya dihantar menggunakan pos berdaftar, atau tarikh transmisi sekiranya transmisi secara elektronik digunakan. Sekiranya penamatan dibuat selepas Tempoh Percuma, Orang Yang Dilindungi akan menerima Manfaat serahan, yang mungkin kurang daripada Sumbangan yang telah bayar, ditambah lebihan DRP, jika ada.

	Sekiranya pembayaran Sumbangan untuk Sijil Takaful kepada Kami tidak berjaya, Kami mempunyai hak untuk membatalkan Sijil Takaful tersebut dari hari permohonan tersebut diterima.
Hak untuk menamatkan kerana pencegahan perubahan wang haram dan pembiayaan kegunaan	Jika Kami mengetahui, atau mengesyaki bahawa Sijil Induk atau Sijil Takaful dimanfaatkan untuk kegiatan pengubahan wang haram atau untuk membiayai kegunaan, Kami berhak untuk menamatkan Sijil Induk atau Sijil Takaful masing-masing dengan segera. Kami akan menguruskan semua Sumbangan yang dibayar dan semua Manfaat atau jumlah yang perlu dibayar berkenaan dengan Sijil Takaful ini menurut undang-undang berkaitan.
Tanggungjawab untuk membetulkan kesilapan dan ralat	Kami akan membetulkan apa-apa kesilapan atau ralat yang dibuat dalam Sijil Induk atau Sijil Takaful sebaik sahaja Kami sedari, atau dimaklumkan mengenai kesilapan atau ralat tersebut. Pembetulan yang Kami akan buat mestilah melalui Endorsemen terhadap Sijil Induk atau Sijil Takaful, dan akan hanya sah bermula dari tarikh berkuatkuasa Endorsemen.
Hak dan tanggungjawab di bawah prinsip Takaful	Manfaat Takaful dan Sumbangan dibayar berdasarkan kepada Tabarru' dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Sijil Induk. Kami mempunyai hak mengenakan Fi Wakalah sebagai Pengendali Takaful, yang akan ditolak daripada setiap Sumbangan yang diterima oleh Kami. Kami bertanggungjawab untuk melaburkan DRP mengikut prinsip Syariah.
Hak untuk mengubah Sumbangan	Kadar Sumbangan and terma-terma boleh diubah oleh Kami dari semasa ke semasa, dengan memberikan notis sembilan puluh (90) hari lebih awal kepada Anda. Perubahan Sumbangan and terma-terma ini hanya akan digunapakai untuk Sijil Takaful dengan Tarikh Permulaan selepas tarikh berkuatkuasa notis tersebut.
Tanggungjawab dan hak terhadap data perlindungan	Kami dapat memproses Data Peribadi menurut seksyen 4 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Kami dapat mendedahkan Data Peribadi yang dikemukakan oleh Orang Yang Dilindungi, sebagaimana konteks boleh diperlukan, kepada: <ol style="list-style-type: none"> 1) Etiqa Life Insurance Berhad, Etiqa Family Takaful Berhad, Etiqa Life International (L) Ltd atau Etiqa Offshore Insurance (L) Ltd, seperti konteks yang dikehendaki; 2) Entiti lain dalam Kumpulan Maybank; 3) Ejen-ejen Kami yang sah dan penyedia perkhidmatan yang mana Kami mempunyai perjanjian berkontrak bersama Kami untuk beberapa fungsi, perkhidmatan dan aktiviti; 4) Syarikat Insurans / Pengendali Takaful lain dan pihak pengedar (contoh: bank, bank-bank Islam, broker insurans, broker Takaful, syarikat reinsurans, pengendali Retakaful, seperti konteks yang dikehendaki); 5) Persatuan perdagangan industri seperti Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM), Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) dan Persatuan Takaful Malaysia (MTA); 6) Peniaga dan rakan strategik Kami; 7) Mana-mana pihak yang diberi kuasa oleh mana-mana Orang Yang Dilindungi (dari semasa ke semasa) termasuk Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP); atau 8) Penguatkuasa undang-undang dan agensi-agensi kerajaan sebagaimana yang dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang, yang diberi kuasa oleh mana-mana perintah mahkamah atau untuk memenuhi kewajipan kepada pihak berkuasa. <p>Orang Yang Dilindungi perlu mengemaskini semua Data Peribadi tersebut kepada Kami sebaik sahaja ia praktikal.</p> <p>Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung bagi Data Peribadi yang tidak tepat atau tidak lengkap yang diberikan kepada Kami.</p> <p>Kami mungkin dari semasa ke semasa meminta Orang Yang Dilindungi untuk memberikan Data Peribadi lain yang berkaitan dengan Sijil Induk atau Sijil Takaful.</p> <p>Sebelum memberikan Kami dengan Data Peribadi mana-mana individu, Orang Yang Dilindungi yang memberikan Data Peribadi hendaklah memaklumkan individu tersebut mengenai notis privasi Kami.</p> <p>Untuk butiran terperinci notis privasi mengenai bagaimana Kami mengumpul, menggunakan, memproses, melindungi dan mendedahkan Data Peribadi Anda, sila kunjungi cawangan Kami, hubungi Etiqa Online di 1-300-13-8888, atau merujuk ke laman web Kami di www.etiqa.com.my.</p>
Tanggungjawab untuk mengambil langkah sewajarnya dan tidak	la adalah tanggungjawab Orang Yang Dilindungi untuk mengambil langkah sewajarnya untuk tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan atau membuat pendedahan, semasa: <ol style="list-style-type: none"> 1) Membuat permohonan, 2) Jika Sijil Induk atau Sijil Takaful dipinda, dan

membuat salah nyataan	<p>3) Jika Kami memerlukan pengesahan mengenai jawapan atau pengakuan yang telah diberikan sebelum ini.</p> <p>Tanggungjawab ini hendaklah berterusan sehingga Tarikh Berkuatkuasa Sijil Induk, atau Tarikh Permulaan Sijil Takaful, atau tarikh berkuatkuasa bagi perubahan berikutnya.</p>
Maklumat Material tidak didedahkan atau disalah nyata	<p>Sekiranya Kami menamatkan Sijil Induk atau Sijil Takaful ini kerana salah nyata atau tidak mendedahkan Maklumat Material, dalam keadaan sedemikian remedi dari Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan dikenakan.</p>
Hak Kami untuk Mencabar Sijil Takaful	<p>Kami tidak boleh mencabar Sijil Takaful bagi salah nyata selepas dua (2) tahun dari Tarikh Permulaan terkini bagi Sijil Takaful ini, sekiranya Kami dapat membuktikan yang Orang Yang Dilindungi menyembunyikan atau menipu dalam mengemukakan Maklumat Material, yang mana jika diketahui oleh Kami, akan membawa kepada keengganan Kami untuk mengeluarkan Sijil Takaful, atau mungkin mendorong Kami mengenakan terma-terma dan syarat-syarat yang kurang memihak daripada yang dikenakan di dalam Sijil Induk.</p> <p>Sekiranya Kami mengenal pasti salah nyataan dalam tempoh dua (2) tahun dari Tarikh Permulaan bagi Sijil Takaful itu, Sijil Takaful bagi Orang Yang Dilindungi tersebut akan ditamatkan atau dibatalkan, tuntutan bagi Manfaat Takaful ditolak, atau terma-terma dan syarat-syarat yang dikenakan kepada Orang Yang Dilindungi akan ditukar di dalam Sijil Takaful.</p>
Hak Kami untuk melaraskan terma-terma bagi salah nyataan umur dan jantina	<p>Jika umur atau jantina Orang Yang Dilindungi telah tersilap nyata, yang menyebabkan kekurangan Sumbangan, maka Jumlah Yang Dilindungi Berkurangan bagi Orang Yang Dilindungi tersebut, akan dikurangkan berdasarkan kepada jumlah yang setara dengan umur dan jantina yang betul.</p> <p>Jika salah nyataan bagi umur atau jantina terhadap Orang Yang Dilindungi menyebabkan lebihan Sumbangan, maka Kami akan membayar balik lebihan tersebut kepada Orang Yang Dilindungi.</p> <p>Pelarasan terhadap Jumlah Yang Dilindungi Berkurangan atau bayaran balik tersebut akan berdasarkan kepada kadar Sumbangan Kami yang berkuatkuasa pada Tarikh Permulaan.</p>
Hak Kami untuk pengecualian dan bukan pengecualian hak	<p>Kelewatan atau kegagalan Kami untuk melaksanakan atau menguatkuasakan apa-apa hak di bawah Sijil Induk, tidak akan dianggap sebagai pengecualian mana-mana hak, atau penamatan hak-hak tersebut. Pengecualian sebarang hak oleh Kami hanya sah apabila disahkan secara bertulis.</p>
Hak untuk menamakan Manfaat Takaful	<p>Orang Yang Dilindungi boleh menamakan seseorang untuk menerima Manfaat Takaful yang akan dibayar apabila berlaku kematian Orang Yang Dilindungi, sama ada sebagai wasi untuk mengagihkan Manfaat Takaful yang perlu dibayar kepada harta pusaka Orang Yang Dilindungi mengikut undang-undang yang berkenaan, atau sebagai benefisiari di bawah Hibah Bersyarat.</p> <p>Penamaan atau penyerahan hak boleh dibuat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 3) Semasa permohonan dibuat; atau 4) Dengan Memaklumkan kepada Kami secara bertulis, pada bila-bila masa selepas Sijil Takaful dikeluarkan. <p>Orang Yang Dilindungi boleh menentukan bahagian pengagihan Manfaat Takaful untuk dibayar kepada setiap wasi atau benefisiari. Jika tiada arahan pengagihan diterima, Kami akan membayar wasi atau benefisiari secara sama rata.</p> <p>Penamaan benefisiari dibawah Hibah Bersyarat hendaklah, tanpa mengambil kira mana-mana undang-undang bertulis, mempunyai kesan terhadap pemindahan hak terhadap Manfaat Takaful yang akan dibayar kepada benefisiari apabila berlakunya kematian Orang Yang Dilindungi. Pemindahan Manfaat Takaful tersebut tidak akan membentuk sebahagian daripada harta pusaka Orang Yang Dilindungi, atau tertakluk kepada hutang mereka.</p> <p>Apabila Manfaat Takaful dibayar, Kami dilepaskan daripada apa-apa liabiliti berkenaan dengan Orang Yang Dilindungi.</p>
Hak untuk membatalkan penamaan	<p>Penamaan akan dibatalkan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 4) Apabila Penama meninggal dunia, atau jika terdapat lebih daripada seorang penama, kesemua Penama meninggal dunia semasa Orang Yang Dilindungi masih hidup; 5) Melalui notis bertulis daripada Orang Yang Dilindungi kepada Kami; atau 6) Melalui penamaan berikutnya yang dilakukan oleh Orang Yang Dilindungi kepada Kami. <p>Tertakluk kepada perkara di atas, penamaan tidak akan dibatalkan melalui wasiat atau dengan apa-apa tindakan, peristiwa atau cara-cara lain.</p> <p>Sekiranya terdapat lebih daripada satu Penama dan salah seorang daripada Penama yang dinamakan sebagai benefisiari dibawah Hibah Bersyarat meninggal dunia terlebih dahulu sebelum</p>

	Orang Yang Dilindungi, Kami akan membayar bahagian Penama yang telah meninggal dunia kepada estet Orang yang Dilindungi tersebut jika Orang Yang Dilindungi meninggal dunia, kecuali jika Orang Yang Dilindungi telah membuat penamaan bagi menggantikan bahagian Penama yang telah meninggal dunia tersebut.
Tiada hak bagi pihak ketiga	Tiada apa-apa dalam Sijil Induk atau Sijil Takaful bertujuan untuk memberikan sebarang hak kepada mana-mana pihak ketiga, untuk menguatkuasakan mana-mana terma Sijil Induk, atau memberikan sebarang Manfaat kepada mana-mana pihak ketiga di bawah Sijil Induk. Tiada liabiliti di bawah Sijil Induk, atau oleh Kami, kepada pihak ketiga berkenaan dengan apa-apa liabiliti lain.
Pemeriksaan Perubatan	Kami mempunyai hak dan peluang untuk memeriksa Orang Yang Dilindungi pada bila-bila masa yang munasabah yang perlu semasa penilaian tuntutan.

MANFAAT-MANFAAT TAKAFUL

Proses tuntutan dan bagaimana membuat tuntutan	<p>Pihak Menuntut hendaklah memaklumkan kepada Kami mengenai suatu tuntutan bagi apa-apa Manfaat Takaful dengan menulis ke alamat Kami, dalam tempoh masa pemberitahuan notis. Pemberitahuan tuntutan mestilah termasuk mengemukakan bukti umur Orang Yang Dilindungi seperti salinan kad pengenalan atau passport, dan dokumen-dokumen tuntutan yang lain. Tempoh notis tuntutan dan pendokumenan tuntutan adalah khusus kepada jenis Manfaat Takaful mengikut terma-terma dan syarat-syarat di dalam Sijil Induk.</p> <p>Notis tuntutan boleh dikemukakan selepas tempoh masa pemberitahuan notis, jika terdapat bukti notis tersebut telah diserahkan seberapa segera yang mungkin.</p> <p>Sekiranya sebarang bantuan diperlukan apabila membuat tuntutan, Pihak Menuntut perlu menghubungi Etiqa Online di 1-300-13-8888.</p> <p>Dokumen tambahan mungkin akan diminta oleh Kami semasa Pihak Menuntut memaklumkan Kami mengenai tuntutan, atau selepas penilaian awal dokumen yang disertakan dengan borang tuntutan. Pihak Menuntut akan dimaklumkan secara bertulis mengenai sebarang keperluan dokumen tambahan.</p> <p>Dokumen bagi menyokong tuntutan hendaklah disediakan atas tanggungan Pihak Menuntut.</p> <p>Setelah semua dokumen diterima oleh Kami, Kami akan menerima atau menolak tuntutan untuk Manfaat Takaful mengikut terma dan syarat Sijil Induk. Keputusan tuntutan oleh Kami akan dimaklumkan kepada Pihak Menuntut secara bertulis. Kami berhak untuk menolak sebarang caj yang berkaitan dan jumlah yang tertunggak yang terutang kepada Kami sebelum sebarang tuntutan dibayar di bawah Sijil Induk ini.</p>
---	---

(I) MANFAAT KEMATIAN

Manfaat yang dibayar pada kematian	<p>Sekiranya Sijil ini Berkuatkuasa apabila Orang Yang Dilindungi meninggal dunia, jumlah berikut akan dibayar secara sekaligus kepada Orang Yang Dilindungi:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Jumlah Yang Dilindungi; dan 2) Lebihan DRP telah diperuntukkan untuk Sijil Takaful, jika ada, <p>tertakluk kepada batasan dan pelarasan yang diguna pakai bagi Manfaat kematian.</p>
Batasan dan pelarasan kepada Manfaat kematian	<p>Batasan yang dikenakan ke atas Manfaat kematian adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Kematian mestilah berlaku semasa Sijil Takaful bagi Orang Yang Dilindungi Berkuatkuasa; 2) Kematian secara langsung atau tidak langsung kerana membunuh diri ketika Waras, Manfaat kematian adalah jumlah Sumbangan yang dibayar, Batasan ini tidak diguna pakai bagi Penyertaan Semula Sijil Takaful; 3) Kematian secara langsung atau tidak langsung kerana membunuh diri ketika tidak Waras, Manfaat kematian adalah Jumlah Yang Dilindungi.
Tempoh masa notis bagi Manfaat kematian	<p>Kami mestilah dimaklumkan oleh Pihak Menuntut mengenai tuntutan kematian dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh kematian.</p> <p>Kegagalan untuk memberi notis dalam tempoh tersebut tidak akan membatalkan sebarang tuntutan jika boleh ditunjukkan bahawa tidak munasabah untuk memberikan notis tersebut dalam tempoh itu dan notis itu telah diberikan dengan seberapa segera yang munasabah.</p>

Dokumen sokongan bagi tuntutan kematian	Borang tuntutan akan diberikan apabila Pihak Menuntut memaklumkan kepada Kami mengenai tuntutan kematian. Pihak Menuntut mestilah melengkapkan borang tuntutan, dan mengemukakan bukti umur Orang Yang Dilindungi seperti salinan kad pengenalan atau pasport Orang Yang Dilindungi, sijil kematian dan sebarang dokumen tambahan, dalam tiga puluh (30) hari dari tarikh notis.
Terma-terma penyelesaian untuk Manfaat kematian	Pembayaran Manfaat Kematian merupakan amaun tunggal kepada wasi atau benefisiari, di mana mereka telah dinamakan untuk menerima Manfaat Takaful. Apabila Manfaat kematian dibayar, Kami dilepaskan daripada apa-apa liabiliti berkenaan dengan Orang Yang Dilindungi tersebut.

(II) MANFAAT HILANG UPAYA MENYELURUH DAN KEKAL (HUMK)

Manfaat yang dibayar pada HUMK	Sekiranya Orang Yang Dilindungi mengalami HUMK, Manfaat HUMK di dalam Sijil Takaful ini adalah: <ol style="list-style-type: none"> 1) Jumlah Yang Dilindungi; dan 2) Lebihan DRP telah diperuntukkan untuk Sijil Takaful, jika ada, tertakluk kepada batasan dan pelarasan yang diguna pakai bagi Manfaat HUMK.
Batasan dan pelarasan kepada Manfaat kematian	Batasan yang dikenakan ke atas Manfaat HUMK adalah seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> 1) Kecederaan dan penyakit yang mengakibatkan HUMK, dan Tarikh HUMK mestilah berlaku semasa Sijil Takaful masih Berkuatkuasa; 2) Tiada Manfaat yang akan dibayar jika HUMK berlaku pada atau selepas Orang Yang Dilindungi mencapai hari jadi ke-enam puluh sembilan (ke-69); 3) Tiada Manfaat akan dibayar apabila HUMK disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh pengecualian Manfaat HUMK.
Pengecualian Manfaat HUMK	Tiada Manfaat akan dibayar apabila HUMK berlaku secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh keadaan berikut: <ol style="list-style-type: none"> 1) Keadaan Sedia Ada; 2) Kecederaan diri yang disengajakan atau cubaan membunuh diri ketika siuman; 3) Penyertaan di dalam sebarang jenayah atau menyalahi undang-undang, mogok, rusuhan, keganasan atau kekecohan awam; 4) Penyertaan dalam sukan atau aktiviti yang berisiko atau berbahaya, penerbangan atau sebarang aktiviti udara (kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang atau anak-anak kapal dalam laluan biasa yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan komersial); 5) Penggunaan alkohol, ubat-ubat atau narkotik tanpa preskripsi atau yang menyalahi undang-undang; atau 6) Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV) atau Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS).
Tempoh masa notis bagi tuntutan HUMK	Kami mestilah dimaklumkan mengenai tuntutan HUMK oleh Pihak Menuntut dalam: <ol style="list-style-type: none"> 1) Tiga puluh (30) hari dari Tarikh HUMK bagi Andaian HUMK; atau 2) Enam (6) bulan dari Tarikh HUMK. Kegagalan untuk memberi notis dalam tempoh tersebut tidak akan membatalkan sebarang tuntutan jika boleh ditunjukkan bahawa tidak munasabah untuk memberikan notis tersebut dalam tempoh itu dan notis itu telah diberikan dengan seberapa segera yang munasabah.
Dokumen sokongan tuntutan HUMK	Borang tuntutan akan diberikan apabila Pihak Menuntut memaklumkan kepada Kami mengenai tuntutan Manfaat HUMK. Pihak Menuntut mestilah melengkapkan borang tuntutan, dan mengemukakan bukti umur Orang Yang Dilindungi seperti salinan kad pengenalan atau pasport, laporan penilaian perubatan, dan sebarang dokumen tambahan, dalam tiga puluh (30) hari dari tarikh notis tuntutan atau memenuhi definisi HUMK. Penilaian perubatan mestilah dilakukan oleh doktor perubatan yang dilesenkan untuk menjalankan amalan di Malaysia, dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas memenuhi definisi HUMK.
Terma-terma penyelesaian untuk Manfaat HUMK	Bayaran Manfaat HUMK merupakan amaun tunggal kepada Orang Yang Dilindungi. Apabila Manfaat HUMK dibayar, Kami dilepaskan daripada apa-apa liabiliti berkenaan dengan Orang Yang Dilindungi tersebut.

(III) MANFAAT SERAHAN

Serahan Sijil Takaful	<p>Semasa Sijil Takaful ini masih Berkuatkuasa, Orang Yang Dilindungi boleh menyerahkan Sijil Takaful kepada Kami bagi Manfaat serahan (jika ada) dengan mengembalikan Sijil Takaful kepada Kami di Ibu Pejabat Kami, berserta permohonan serahan secara bertulis yang telah ditandatangani oleh Orang Yang Dilindungi. Permohonan penyerahan bertulis mestilah dikemukakan bersama dengan apa-apa dokumen lain yang mungkin Kami perlukan.</p> <p>Manfaat serahan yang perlu dibayar adalah Nilai Serahan seperti berikut:</p> $(80\% \times \text{Sumbangan Tahunan}) \frac{\text{Bilangan baki hari sebelum ulang tahun yang berikut} / \text{Tarikh Tamat Tempoh}}{\text{Bilangan hari dalam tahun permulaan}}$ <p>Ditambah dengan sebarang lebihan DRP telah diperuntukkan untuk Sijil Takaful tersebut, jika ada.</p> <p>Apabila Manfaat serahan dibayar, Kami dilepaskan daripada apa-apa liabiliti berkenaan dengan Orang Yang Dilindungi tersebut.</p>
------------------------------	---

(IV) PENGAGIHAN LEBIHAN

Peruntukan Sumbangan	Sumbangan, setelah ditolak Fi Wakalah, akan diperuntukkan kepada DRP.
Pengagihan Lebihan DRP	<p>Lebihan yang diperolehi dari DRP, dan jumlah yang akan diagihkan akan ditentukan setiap tahun. Sebarang pengagihan lebihan DRP membuat peruntukan untuk peruntukan luar jangka, dan tertakluk kepada polisi lebihan yang disetujui oleh jawatankuasa Syariah Kami. Berdasarkan kebenaran yang diberikan kepada Kami oleh Anda dan Orang Yang Dilindungi dan para Peserta dan Orang Yang Dilindungi selebihnya, Kami akan menguruskan DRP selaras dengan kehendak Syariah dan dengan cara yang menjaga kepentingan para Pesert dan Orang Yang Dilindungi. Kami mempunyai budi bicara penuh untuk membuat dan menentukan tindakan yang perlu untuk manfaat semua Peserta dan Orang Yang Dilindungi dan DRP, termasuk tetapi tidak terhad kepada pelaburan, dan / atau mendapatkan takaful semula yang mencukupi, tertakluk kepada kelulusan jawatankuasa Syariah Kami dan keperluan peraturan lain.</p> <p>Sekiranya terdapat sebarang defisit dalam DRP atau DRP adalah tidak mencukupi untuk memenuhi kewajipan Takaful, tidak akan ada pengagihan lebihan DRP bagi tahun kewangan tersebut. Pada keadaan itu, defisit akan pertamanya dibiayai oleh jumlah yang diperuntukkan bagi peruntukan luar jangkaan. Jika DRP masih defisit, Qard akan diaturkan dengan syarat ketidakcukupan tersebut bukan berpunca daripada kecuaiian Pengendali Takaful. Qard akan dibawa ke tahun kewangan yang berikutnya dan sebarang lebihan yang diperolehi selepas itu akan digunakan untuk membayar Qard. Jika ketidakcukupan adalah berpunca daripada kecuaiian Pengendali Takaful, Pengendali Takaful akan membuat pemindahan secara langsung bagi menampung ketidakcukupan tersebut.</p>
Terma-terma penyelesaian untuk pengagihan lebihan	Bahagian pengagihan apa-apa Lebihan DRP akan diagihkan oleh Kami pada setiap tahun, adalah lima puluh peratus (50%) dibayar kepada Kami kerana mengendali dan menguruskan DRP, berasaskan kontrak Ju'alah, dan baki lima puluh peratus (50%) dikongsi di antara Orang Yang Dilindungi yang mana Sijil Takafulnya masih Berkuatkuasa, dan tidak membuat sebarang tuntutan terhadap Manfaat Takaful dalam tahun kewangan tersebut.

ADUAN DAN PENYELESAIAN PERTIKAIAN

Bagaimana untuk membuat aduan kepada Kami	Jika Pihak Menuntut tidak berpuas hati dengan perkhidmatan Kami di bawah Sijil Induk atau Sijil Takaful ini, sila tulis ke alamat pos Kami: Unit Pengurusan Aduan, Etiqa Family Takaful Berhad, Aras 6, Menara B, Dataran Maybank, No 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur, faksimili ke 03 – 2297 1919, atau e-mel ke complaint_cmu@etiqa.com.my . Nombor telefon Kami adalah 1-300-13-8888 (untuk pemanggil luar negara nombor talian adalah +603-2780 4500).
--	--

<p>Bagaimana untuk membuat aduan kepada pengawal selia kerajaan</p>	<p>Jika Pihak Menuntut tidak berpuas hati dengan cara pengendalian Kami, sila tulis kepada BNM, termasuk butir-butir cara pengendalian, jenis pertikaian, nama Kami, nombor Sijil Induk atau Sijil Takaful, dan apa-apa surat-menyurat di antara Pihak Menuntut dan Kami.</p> <p>Sebarang surat-menyurat boleh dihantarkan ke BNM: Pengarah, Jabatan LINK dan Pejabat Wilayah, Bank Negara Malaysia, Peti Surat 10922, 50929 Kuala Lumpur, atau faksimili ke 03-2174 1515, atau e-mel ke bnmlink@bnm.gov.my. Nombor telefon BNM adalah 1-300-88-5465.</p>
<p>Bagaimana untuk menyelesaikan pertikaian melalui pengantara</p>	<p>Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) boleh dihubungi oleh Pihak Menuntut, sekiranya Pihak Menuntut tidak berpuas hati dengan keputusan Etiqa Family Takaful Berhad terhadap sebarang pertikaian, atau kegagalan Etiqa Family Takaful Berhad untuk memberi maklum balas terhadap sebarang aduan dalam tempoh enam puluh (60) hari. Anda boleh menghubungi OPK melalui:</p> <p>Emel : enquiry@ofs.org.my atau Faks : 603-2272 1577 atau Alamat Pos: Ketua Pegawai Eksekutif, Ombudsman Perkhidmatan Kewangan Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No.4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000, Kuala Lumpur.</p> <p>Sebagai alternatif, Pihak Menuntut boleh memfailkan pertikaian itu secara peribadi di pejabat OPK. OPK perlu dihubungi dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh keputusan muktamad dari Etiqa Family Takaful Berhad berkenaan pertikaian yang dibuat Pihak Menuntut.</p> <p>Untuk maklumat lanjut mengenai OPK, sila dapatkan risalah maklumat daripada Etiqa Family Takaful Berhad atau layari laman web OPK di www.ofs.org.my.</p> <p>Penglibatan OPK adalah tertakluk kepada terma-terma rujukan menurut seksyen 138 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Menghubungi OPK tidak akan menjejaskan hak Pihak Menuntut untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Etiqa Family Takaful Berhad sekiranya mereka tidak berpuas hati dengan keputusan oleh OPK.</p>
<p>Bagaimana untuk menyelesaikan pertikaian melalui penimbangtara</p>	<p>Jika Pihak Menuntut mempertikaikan keputusan yang telah Kami buat berkaitan dengan Sijil Induk atau Sijil Takaful ini, dan tidak mahu untuk menggunakan pengantara bagi pertikaian itu, atau tidak menerima keputusan OPK selepas pengantara, Pihak Menuntut boleh merujuk kepada penimbangtara. Permohonan untuk rujukan hendaklah dibuat dalam tempoh dua belas (12) bulan daripada pemberitahuan keputusan tersebut.</p> <p>Pihak Menuntut dan Kami akan cuba untuk sama-sama bersetuju untuk melantik seorang Penimbangtara. Jika Pihak Menuntut dan Kami tidak dapat bersetuju dengan seorang Penimbangtara dalam tempoh satu (1) bulan notis timbangtara, maka Pihak Menuntut dan Kami perlu melantik seorang Penimbangtara bagi setiap pihak, dan kedua-dua Penimbangtara akan melantik seorang pengadil. Pengadil hendaklah bersidang bersama Penimbangtara dan mempengerusikan persidangan mereka. Semua pelantikan hendaklah dibuat secara bertulis oleh pihak-pihak berkenaan yang membuat pelantikan tersebut.</p> <p>Penimbangtara (dalam hal di mana Pihak Menuntut dan Kami bersetuju untuk seorang Penimbangtara), atau Penimbangtara-Penimbangtara dan pengadil (dalam hal di mana Pihak Menuntut dan Kami tidak bersetuju dengan seorang Penimbangtara), hendaklah mengkaji semula pertikaian itu dan membuat keputusan. Keputusan timbangtara akan merangkumi penyelesaian pertikaian dan kos timbangtara. Keputusan timbangtara tidak boleh dipertikaikan dan mengikat kedua-dua pihak iaitu Pihak Menuntut dan Kami.</p>